

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 May 2015

Malaysia jadi pangkalan Itali terokai ASEAN

MILAN 9 Mei - Syarikat-syarikat Itali berminat menjadikan Malaysia sebagai pangkalan utama untuk meneroka dan memperluas pelaburan iian perdagangan di rantau Asia Tenggara, lebih-lebih lagi dengan status negara sebagai Pengerusi ASEAN 2015, kata Tan-Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, hasrat syarikat terbabit untuk menjadikan Malaysia pintu masuk ke rantau Asia Tenggara dinyatakan dalam sesi dialog semasa pertemuan meja bulat malam tadi, di antara beliau dengan 25 kapten industri dari sekitar kota ini dan Lombardy, iaitu antara wilayah perdagangan dan perindustrian terbesar di ItaU.

"Sekarang pun dari segi nilai eksport ke Malaysia, 30 peratus daripada wilayah ini jadi dari perbincangan semalam kita dapat maklumat sebahagiannya sudah melabur di Malaysia dan hendak memperbesar perniagaan.

"Contohnya syarikat aeroangkasa Itali iaitu Agusta (Westland), bersetuju membina pangkalan utama (penyelenggaraan) di Subang sebagai hab untuk memberi perkhidmatan berikutan pertambahan penggunaan helikopter di rantau ini," katanya.

BeUau berkata demikian kepada wartawan Malaysia selepas mel-



wat ruang pameran tuan rumah dan Perancis di World Ekspo Milano **2015** di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menyifatkan perkembangan tersebut menggalakkan kerana sekali gus bakal melatih anak-anak tempatan untuk menjadi sumber manusia yang penting di masa akan datang.

Di samping itu dalam bidang gas dan minyak, beliau memberitahu sudah ada yang mengadakan perkongsian kerjasama dengan Petronas, untuk menambah pelaburan baharu AS\$300 juta di Malaysia, iaitu satu jumlah pelaburan yang agak besar dan Itali.

Mengulas penyertaan Malaysia dalam ekspo terkemuka dunia ini, Muhyiddin berkata, pada keseluruhannya inisiatif yang diambil berjaya menarik pelabur asing sama ada dari Itali atau negara lain untuk datang ke Malaysia.

Hal ini kerana, Malaysia menawarkan insentif baik, mempermudah pemiagaan dan proaktif kepada apa yang mereka perlukan

untuk membantu perniagaan mereka.

"Saya yakin ekspo ini bukan sahaja memberi ruang dan peluang kita mempamerkan apa yang berlaku di Malaysia tetapi juga menarik penyertaan bakal-bakal pelabur dan sedia ada dalam bidang-bidang yang diberi perhatian seperti alatan perubatan, petrokimia, farmaseutikal dan penjagaan kesihatan," katanya.

Terdahulu ketika berucap dalam sesi meja bulat itu malam tadi, Timbalan Perdana Menteri berkata, kedudukan Malaysia yang sesuai di rantau ini di samping memiliki rantaian yang tidak dapat ditandingi, dasar negara yang pragmatik, berhemah dan mengamalkan pendekatan mesra pelabur, membuatkan negara dikagumi oleh pelabur negara ini.

Di sebalik ketidaktentuan ekonomi dunia, ujarnya, ekonomi Malaysia terus berdaya tahan, disokong oleh rizab antarabangsa yang tinggi, hutang luar negara dan kadar pengangguran yang rendah.

Selain itu, Malaysia juga baik dari segi aliran masuk serta keluar barangan, perkhidmatan dan pelaburan.

"Kami merekodkan pertumbuhan yang kukuh enam peratus pada tahun 2014 dan menjangka mencatatkan pertumbuhan di antara 4-5

dan 5-5 peratus tahun ini di sebalik keadaan turun naik ekonomi dunia.

"Malah, Malaysia mencatatkan rekod pada tahun **2014** apabila pencapaian pelaburan mencecah AS\$**68** bilion (RM**2.44.8** biliun) dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus memainkan peranan utama apabila masing-masing menyumbang **64** peratus dan **305** peratus pada tahun **2014**," katanya.

Timbalan Perdana Menteri yang berada di sini untuk lawatan kerja tiga hari drningi isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman bermula Khamis lalu, pulang ke tanah air petang ini

Muhyiddin berkata, Malaysia dan Itali mengekalkan perkongsian apabila perdagangan antara kedua-dua negara terus meningkat sejak **10** tahun lalu.

Katanya, jumlah dagangan Malaysia dengan Itali mencecah AS\$**2.69** bilion (RM**9.684** bilion).

Setakat tahun ini, Malaysia meluluskan **15** projek pembuatan bersama pembabitan ahli perniagaan Itali. Pelaburan ini berjumlah AS\$654.3 juta (RM**2.4** bilion) dan mencipta **10,378** peluang pekerjaan," katanya sambU memberitahu yang pelabur Itali lebih banyak terbabit dalam sektor berkaitan produk petroleum, getcih, mesin peralatan, logam serta elektronik dan elektrik. - MINGGUAN